

# Kesal Sungai Sarawak penuh sampah sarap

SAYA penuntut di Universiti Malaysia Sarawak yang terlibat dengan perarakan Malam Ambang Merdeka, Koir Kebangsaan.

Ketika raptai untuk sambutan Malam Ambang Merdeka di Water Front, Kuching, saya amat terkejut apabila mendapati Sungai Sarawak tercemar dengan sampah sarap yang bertaburan di permukaannya.

Pihak berkuasa tempatan hendaklah mengambil tindakan. Sungai Sarawak juga merupakan tarikan kepada pelancong asing. Rata-rata pelancong asing yang menyaksikan malam raptai kami pada malam itu tertarik dengan keunikan dan keistimewaan budaya masyarakat Malaysia yang berbilang kaum.

Jadi adalah tidak wajar masalah pencemaran sungai ini menjejaskan imej Sarawak sebagai destinasi popular pelancongan.

**- KERBY AMBO,  
Kota Samarahan, Sarawak.**